


# Evolusi Buku

# Lukisan PRIMITIF

(Zaman Prasejarah)

Sebelum terciptanya tulisan, manusia di zaman prasejarah melukis di dinding gua sebagai medium untuk bercerita, merakam peristiwa, dan menyatakan kepercayaan agama dan budaya.

Ditemui di beberapa lokasi dunia, termasuk Gua Lascaux di Perancis dan Rock Shelters of Bhimbetka di India, karya seni purba ini memberikan gambaran sekilas tentang kehidupan dan fikiran manusia prasejarah.




# Tanah Bersurat (*Clay Tablet*)

## (3500 SM)

Di Mesopotamia, *clay tablet* diukir dengan tulisan *cuneiform* oleh orang Sumeria menggunakan alat yang dinamakan sebagai *calamus*.





*Tablet* ini merupakan antara contoh pertama manusia mencipta medium untuk mencatatkan maklumat yang dapat disimpan dan dibawa ke lokasi lain.



Orang Sumeria dipercayai sebagai orang pertama yang pernah menggunakan skrip Cuneiform, yang merupakan sistem tulisan yang paling awal diketahui di dunia

Ahli sejarah dari Sam Houston State University, Lauren Lewis menjelaskan bahawa penulisan berkaitan matematik dan unit pengukuran bermula sejak tamadun terawal di dunia.



## PENEMUAN TULISAN ORANG SUMERIA

Clay tablet beraksara paku

# PAPYRUS

(2400 SM)


Helaian atau kertas *papyrus* dicipta di Mesir sekitar 3,000 SM daripada batang pokok *papyrus*. Ianya dipotong secara memanjang dan ditumbuk untuk dijadikan lapisan yang nipis.

Untuk menulis di atas *papyrus* ini, sekali lagi alat yang dinamakan sebagai *calamus* digunakan. *Papyrus* digulung dan disimpan dalam tiub kayu untuk melindungi dari kerosakan.

Buku dihasilkan dengan melekatkan beberapa gulungan sehingga panjang 10 meter atau lebih panjang dari itu.



Helaian *papyrus*



Cebisan surat rasmi ditulis pada helaian *papyrus*

# PARCHMENT

(500 – 200 SM)



*Parchment*, dicipta daripada kulit biri-biri, kulit lembu dan kulit kambing. Kulit tersebut dikikis bulunya, diregangkan dan disapukan kapur.

Perkataan *parchment* itu sendiri berasal dari Pergamon atau Pergamum iaitu bandar Yunani yang mana lokasi bagi *parchment* ini mula berkembang.

Ahli sejarah dan penulis menyatakan bahawa *parchment* dicipta kerana kekurangan *papyrus*.

# WAX TABLET

(200 SM)

*Wax tablet* telah dicipta oleh orang Rom dan Yunani. *Tablet* ini pada dasarnya adalah blok kayu yang dilapisi dengan lilin, yang membolehkan ia ditulis menggunakan stylus dan kemudian dipadamkan untuk digunakan semula.

*Tablet-tablet* ini kadangkala diikat pada satu hujung menggunakan tali, untuk menjadikannya *Codex* (koleksi halaman yang terikat). Ini adalah bentuk awal kewujudan buku.




# Mesin Cetak Gutenberg

(1450 M)

Johannes Gutenberg (1398–1468) ialah seorang tukang emas Jerman yang mencipta mesin cetak bergerak pertama di Eropah.

Sudah biasa dengan teknik menempah logam, duit syiling dan membuat acuan, Johannes mula mencipta huruf cetakan dengan menggunakan alat yang dipanggil acuan tangan. Mesin cetaknya menggunakan jenis logam boleh alih dan dakwat berasaskan minyak.


Acuan tangan ini adalah kaedah praktikal pertama untuk menghasilkan cetakan huruf yang murah dalam kuantiti yang besar yang diperlukan untuk mencetak buku biasa.




# Buku Bersampul Keras & Kertas Murah

(Abad ke-19)


- Mikropemproses pertama yang dicipta pada abad ini.
- Permulaan reka bentuk komputer ini membawa kepada revolusi teknologi yang membolehkan pendigitalan buku.
- Pada tahun 1985 telah wujud buku pertama dalam bentuk CD.
- Pada tahun 1989 Internet dan HTML mula digunakan.



Novel pertama menggunakan kertas pulpa kayu yang murah.



Buku pertama ditulis sepenuhnya oleh menggunakan komputer.



Ditulis menggunakan Eastgate's Storyspace (alat untuk menulis) dan dikeluarkan dalam format CD-ROM.

Revolusi industri membawa kepada inovasi baru dalam percetakan, yang menghasilkan buku bersampul keras dan buku kertas murah yang lebih tahan lama, teknologi yang lebih efisien untuk penerbitan buku.

# Buku Elektronik dan Buku Audio

(Abad ke-20 hingga kini)

Pengenalan buku elektronik atau *eBook* dan buku audio adalah pada akhir abad ke-20 yang merupakan era baru dalam dunia buku. Buku boleh didapati dalam format digital yang boleh dibaca di pelbagai peranti seperti komputer, *tablet*, dan *e-reader* dan memberikan kemudahan kepada pembaca untuk membawanya ke merata tempat tanpa beban yang berat.



# Rumusan

Sejarah perkembangan buku bermula sejak zaman purba, dengan penulisan awal dilakukan pada media seperti batu, tanah liat, dan *papyrus*.

Pada abad ke-18 dan ke-19, dengan kemajuan Revolusi Industri, penerbitan buku menjadi lebih meluas. Pengenalan sistem pengedaran buku secara komersial menjadikan buku lebih mudah didapati oleh orang ramai.

Pada abad ke-20, dengan kemajuan teknologi cetakan, buku cetak berkembang pesat, serta perkembangan digital membawa kepada kemunculan buku elektronik atau e-book, yang memudahkan akses kepada bahan bacaan.

Proses transformasi ini menunjukkan bagaimana buku telah berkembang dari medium tulisan tangan yang eksklusif kepada bentuk yang mudah diakses oleh masyarakat umum, baik dalam format fizikal mahupun digital.

# SUMBER

- <https://nationalgeographic.grid.id/read/133950098/sejarah-dunia-kuno-penemuan-sumeria-yang-mengubah-kehidupan-manusia?page=all>
- <https://www.adelaide.edu.au/library/special/exhibitions/cover-to-cover/papyrus/>
- [https://digital.csic.es/bitstream/10261/270743/1/Bausch\\_\\_PapyrusProductionRevisitedDiff\\_%282022%29.pdf](https://digital.csic.es/bitstream/10261/270743/1/Bausch__PapyrusProductionRevisitedDiff_%282022%29.pdf)
- <https://www.britannica.com/topic/Codex-Sinaiticus>
- <https://www.britannica.com/art/scriptorium>
- <https://journals.openedition.org/perspective/4401#ftn2>
- <https://archive.org/details/JohannesGutenbergAndThePrintingPress>
- <https://www.britannica.com/biography/Johannes-Gutenberg>
- [https://hob.gseis.ucla.edu/HoBCoursebook\\_Ch\\_10.html](https://hob.gseis.ucla.edu/HoBCoursebook_Ch_10.html)

# TERIMA KASIH